

**PENERAPAN PENDIDIKAN BERASASKAN NILAI (*VALUE-BASED EDUCATION*) MELALUI APLIKASI MODEL A.D.A.B:
SATU INISIATIF UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

***EMBEDDING VALUE-BASED EDUCATION THROUGH THE A.D.A.B
PEDAGOGICAL MODEL: A STRATEGIC INITIATIVE OF
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA***

***Norhapizah Mohd Burhan^{1*}, Mahfuzah Mohammed Zabidi², Nurul Badriyah Ali³,
Norafifah Ab Hamid⁴ & Khairul Hamimah Mohd Jodi⁵***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Pahang (Kampus Jengka)¹

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam²

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Johor (Kampus Segamat)³

Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Melaka (Kampus Jasir)⁴

*Faculty of Social Sciences and Humanities, Open University Malaysia (OUM), Kelana Jaya⁵
izahuiaum@uitm.edu.my **

ABSTRACT

In the era of post-globalisation and the Fourth Industrial Revolution, higher education faces mounting challenges in producing graduates who are not only knowledgeable and skilled, but also grounded in values, ethics, and integrity. This article critically examines Universiti Teknologi MARA's (UiTM) approach to implementing value-based education (VBE) through the application of the A.D.A.B Model; an instructional and learning design framework anchored in adab (etiquette and virtue) towards God, humanity, and nature. This study employing a qualitative methodology through content analysis, which reviews national and institutional education policies, the Malaysian Qualifications Framework (MQF 2024), UNESCO reports, and documentation of A.D.A.B Model implementation at UiTM. Findings reveal that the A.D.A.B Model aligns significantly with the core principles of VBE outlined in MQF 2024, particularly in fostering holistic graduate outcomes encompassing intellectual, emotional, spiritual, and social dimensions. Distinctively, the A.D.A.B Model incorporates implicit value integration through the hidden curriculum, embedding a heart-based pedagogy that is both reflective and spiritual in nature. The model emphasises three primary value domains: divinity (ubudiyyah and tauhid), humanity (adab and amanah), and environmental responsibility (istikhlaf and sustainability). It further positions educators not merely as facilitators of knowledge, but as murabbi (nurturers) and mujaddid (revivers), responsible for cultivating values both explicitly and implicitly through contextual and reflective pedagogies. The study advocates for a coherent alignment between institutional practices and national frameworks to ensure that value-based education in higher learning institutions is implemented in a more systematic, effective, and holistic manner; one that resonates with the aspiration of shaping the insan rabbani as the epistemic and ontological core of education. The implications of this study pave the way for policy reform and curriculum design that are adab-centric and firmly grounded in a tauhidic worldview within the contemporary higher education landscape.

Keywords: *A.D.A.B Model, Value-Based Education, MQF 2024, holistic education, higher education.*

ABSTRAK

Dalam era pasca-globalisasi dan Revolusi Industri 4.0, pendidikan tinggi berdepan cabaran untuk membentuk graduan yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkemahiran, tetapi juga memiliki nilai, etika dan integriti yang kukuh. Artikel ini menganalisis pendekatan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam melaksanakan pendidikan berasaskan nilai (*Value-Based Education*, VBE) melalui aplikasi Model A.D.A.B, iaitu suatu model reka bentuk pengajaran dan pembelajaran berteraskan adab kepada Tuhan, manusia dan alam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi reka bentuk analisis kandungan terhadap dokumen rasmi dasar pendidikan kebangsaan dan institusi, Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF 2024), dokumen UNESCO, dan pelaporan pelaksanaan Model A.D.A.B di UiTM. Hasil analisis mendapati Model A.D.A.B memperlihatkan kesepadanan yang signifikan dengan prinsip VBE dalam MQF 2024 merentas domain pembelajaran, khususnya dalam pembentukan graduan holistik yang menepati ciri intelek, emosi, rohani dan sosial. Model A.D.A.B turut menawarkan keunikan menerusi pengintegrasian nilai implisit (*hidden curriculum*) yang berkaitan dengan pedagogi hati yang bersifat reflektif dan spiritual. Model A.D.A.B memberikan penekanan kepada tiga dimensi nilai utama: ketuhanan (*ubudiyiah* dan *tauhid*), kemanusiaan (adab dan amanah), serta hubungan dengan alam (*istikhlaf* dan kelestarian). Model A.D.A.B mengangkat peranan pensyarah sebagai *murabbi* dan *mujaddid* dalam menyemai nilai secara tersirat dan tersurat melalui pedagogi kontekstual dan reflektif. Kajian ini mengesyorkan penyelarasan antara pendekatan institusi dan kerangka kebangsaan agar pelaksanaan pendidikan nilai di institusi pengajian tinggi menjadi lebih sistematik, efektif, holistik yang sejajar dengan aspirasi pembentukan insan Rabbani sebagai teras epistemik dan ontologi dalam pendidikan. Implikasi kajian ini membuka ruang bagi penggubalan dasar dan reka bentuk kurikulum yang berteraskan adab serta berpaksikan tawhidik dalam kerangka pendidikan tinggi kontemporari.

Kata kunci: *Model A.D.A.B, pendidikan berasaskan nilai, MQF 2024, pendidikan holistik, pendidikan tinggi.*

PENGENALAN

Pendidikan tinggi mempunyai tugas dan tanggungjawab yang besar dalam membentuk generasi mahasiswa yang berilmu, memiliki kemahiran *soft skill*, berketerampilan, berkeperibadian yang unggul, mulia dan seimbang. Polemik tentang kelemahan mahasiswa dan graduan yang kurang berilmu, pengetahuan rendah, kurang berkemahiran (Halim & Sahid 2020), komunikasi yang lemah, memiliki sikap negatif, dan tidak menggunakan rujukan yang tepat dalam menyelesaikan tugas perkuliahan (Rosalina et al 2021) terus diperbahaskan. Institusi pengajian tinggi (IPT) memandang serius terhadap gejala dan fenomena yang berlaku memandangkan graduan ini yang akan menjadi aset negara pada masa hadapan. Perkembangan teknologi dan kepesatan arus globalisasi memberikan tekanan, cabaran dan perubahan yang mempengaruhi diri mahasiswa dalam menangani segala arus kemodenan dan pasca model yang melibatkan tiga domain teknologi utama iaitu fizikal, digital, dan biologikal (Laana & Sukri 2022). Tambahan pula, satu pertiga dari penduduk dunia menggunakan media sosial untuk belajar, berkongsi maklumat dan berhubung sehingga mahasiswa merasakan mereka boleh belajar sendiri dan kehadiran ke kuliah adalah satu pilihan dan fenomena ini mengubah cara dan kuantiti penggunaan teknologi, pemprosesan dan penyimpanan maklumat (Fitriana & Hotimah 2023; Arwanshah et al. 2022).

Modal insan yang berdaya saing dan mampu berhadapan dengan perubahan revolusi masih kurang jika dibandingkan dengan populasi dunia. Manusia dan kemanusiaan mudah tergugat apabila perkembangan manusia terganggu dengan kebangkitan konsep transhumanisme iaitu

kecenderungan manusia bertindak sebagai mesin atau lebih tepat lagi berfungsi seakan-akan peralatan tidak bernyawa berciri kepantasan kecekapan, dan kecerdasan tanpa henti. Aspek kemanusiaan, keperihatinan, keadilan, kesejahteraan, kemesraan, dan kesejahteraan mula luntur dan ditolak sebahagiannya kerana ia tidak wujud dalam dunia kebendaan (Yaacob et al. 2021). Matlamat asal pendidikan bukan semata-mata menjadikan pelajar berilmu tetapi natijah dari ilmu itu sehinggalah mahasiswa berupaya mempamerkan tingkahlaku mulia yang penuh berhikmah. Oleh itu, fokus pendidikan di peringkat global dan kebangsaan mula berubah ke arah memperkasakan tingkahlaku dan nilai dengan memperkenalkan Pendidikan Berasaskan Nilai (*Value-Based Education*).

LATAR BELAKANG KAJIAN

UNESCO menerusi Pelan Pendidikan Pembangunan Lestari Mampan (ESD) menekankan kepentingan pengetahuan, kemahiran, dan nilai untuk menjaga alam sekitar, integriti, daya maju ekonomi, dan masyarakat yang adil (UNESCO 2025). Berpandukan Hala Tuju Konferensi Pendidikan Tinggi Dunia, UNESCO (2022) telah menetapkan enam (6) prinsip asas untuk mencapai aspirasi Pendidikan Tinggi 2030 salah satunya iaitu pendidikan bukan hanya tentang menuntut ilmu dan memperoleh kemahiran tetapi perlu memberi penekanan yang mendalam terhadap nilai etika dan tingkahlaku yang ditanam sebagai jati diri dan identiti (DNA) yang dibudayakan oleh warga organisasi. Matlamat pendidikan negara yang diterjemahkan dari konsep Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah untuk melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik, seimbang dan sepadu dari segala aspek hidup merangkumi aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan kepada Tuhan. Hasil yang terzahir dari FPK ialah melahirkan insan sempurna yang berkeupayaan mensejahterakan dirinya, keluarga, masyarakat serta umat seluruhnya. (Ismail 2015). Azhar dan Zawawi (2009), menyatakan bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekali gus beradab. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) PPPM (PT) 2015-2025 memberi tumpuan antaranya kepada keberhasilan pelajar yang berpusat kepada bakat terpelajar dipacu nilai dan melahirkan graduan holistik untuk mewujudkan sistem pendidikan tinggi yang terbaik (KPT 2015). Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTM) 2022-2025 PTPTM mengkaji semula hala tuju 10 lonjakan dalam PPPM(PT) bagi tempoh 2022 hingga 2025 berdasarkan kepada enam (6) bidang fokus, antaranya tentang ketersediaan graduan kalis masa hadapan (KPT 2023). Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah menerbitkan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang telah dikemaskini dengan pengukuhan bagi *Value Based Education, Flexible Learning Pathways, Global Sustainability Agenda, dan Harmonisation of MQF with other sectoral/occupational frameworks* (MQA 2024). Bagi menyahut agenda pendidikan global dan kebangsaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) telah mengambil langkah proaktif dalam menerapkan pendidikan berasaskan nilai melalui inisiatif *Education 5.0@UiTM*. Pendekatan ini menekankan kepentingan nilai dan pemikiran progresif masa depan, berteraskan adab dan amanah, berbantuan teknologi sebagai pemudahcara yang menyokong ekosistem pembelajaran (Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM 2019). Pelan Strategik Universiti Teknologi MARA (UiTM) 2025 menekankan tiga nilai bersama organisasi iaitu ESI (*Excellence, Synergy, Integrity*) sebagai intipati utama dalam membuat tindakan yang disokong oleh nilai I-DART (ilmu, disiplin, amanah, rajin, tanggungjawab) yang perlu dihayati dan diamalkan dalam menyerlahkan potensi bakat dan membentuk sikap, tindakan, dan keperibadian. Ia juga merupakan kesinambungan model DNA UiTM yang mengandungi lima komponen iaitu Pemikiran, Emosi, Semangat, Aspirasi, dan Tingkahlaku (Bahagian Hal Ehwal Pelajar 2025). Ia diperkukuhkan dengan pelancaran Model A.D.A.B yang memberi fokus kepada kaedah penyampaian pembelajaran berkesan dan penanaman nilai berteraskan adab kepada Tuhan, manusia, dan alam (Burhan, 2021).

PERNYATAAN MASALAH

Dalam era globalisasi dan Revolusi Industri 4.0, pendidikan tinggi bukan sahaja berperanan sebagai pemacu pembangunan ekonomi, tetapi juga sebagai institusi yang membentuk insan seimbang, beretika, dan bertanggungjawab. Pendidikan berasaskan nilai (*Value-Based Education*, VBE) semakin diiktiraf sebagai pendekatan penting dalam membina karakter pelajar yang holistik, berintegriti, dan berdaya saing di peringkat global. Menurut laporan *Times Higher Education Asia Summit 2024*, VBE memainkan peranan utama dalam memupuk dialog dengan kepelbagaian dan membina warganegara global yang bertanggungjawab. Kajian oleh McNair et al. (2022) menekankan bahawa institusi pendidikan tinggi perlu melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan kesiapsiagaan kerjaya dan hasil pembelajaran pelajar, dengan menekankan pemikiran kritikal, pembelajaran berasaskan perkhidmatan, dan pembangunan nilai melalui pengalaman langsung. Namun begitu, pelaksanaan pendidikan berasaskan nilai dalam konteks pendidikan tinggi menghadapi pelbagai cabaran. Antaranya termasuklah tekanan terhadap hasil pembelajaran yang bersifat kuantitatif, kekangan masa dalam kurikulum yang padat, serta kekurangan latihan khusus untuk pensyarah dalam mengintegrasikan nilai secara efektif dalam pengajaran. Kajian oleh Leyte Normal University (2024) mendapati bahawa pelajar menghadapi konflik dalaman, norma sosial, dan jangkaan rakan sebaya yang menghalang pengamalan nilai secara konsisten dalam kehidupan seharian. Kajian oleh Donesia et al. (2023) menekankan bahawa kepelbagaian etnik dan budaya dalam masyarakat Malaysia memerlukan pendekatan pendidikan nilai yang inklusif dan adaptif, yang menghormati serta mengintegrasikan pelbagai norma dan nilai budaya yang wujud. Kajian oleh Andirah dan Cheng (2024) menunjukkan bahawa penciptaan nilai bersama antara pelajar dan institusi melalui pendekatan VBE dapat meningkatkan kesetiaan pelajar, dengan ekuiti jenama institusi sebagai mediator. Ini menunjukkan bahawa apabila pelajar merasakan nilai-nilai mereka selaras dengan nilai institusi, mereka lebih cenderung untuk menunjukkan komitmen jangka panjang terhadap institusi tersebut. Walau bagaimanapun kekurangan latihan sistematik kepada tenaga pengajar untuk menyampaikan nilai secara tersirat dan tersurat turut memberi pengaruh dalam pemupukan nilai di kalangan pelajar (Donesia et al., 2023). Dalam kajian oleh Watson & Sweet (2020), pensyarah yang tidak dilengkapi dengan kompetensi pedagogi nilai sering kali gagal mengaitkan kandungan disiplin dengan dimensi etika dan tanggungjawab sosial.

Antara cabaran utama adalah kekaburan dalam takrifan nilai teras institusi yang boleh membawa kepada kekeliruan dalam pemindahan nilai kepada pelajar secara konsisten dan tersusun (Hawkes, 2019; Munene & Otieno, 2023). Di samping itu, kurangnya kompetensi pedagogi nilai dalam kalangan pensyarah, khususnya dalam bidang sains, teknologi, teknikal, dan perniagaan menjadikan penerapan nilai bersifat tersirat dan tidak berstruktur (Watson & Sweet, 2020). Pensyarah yang dibebani dengan tuntutan penyelidikan dan penerbitan kadang kala menganggap pemupukan nilai sebagai tanggungjawab sokongan, bukan sebahagian daripada objektif pembelajaran utama. Seterusnya, struktur kurikulum yang padat dan fokus kepada pencapaian kognitif serta pengukuran berasaskan KPI menjadikan aspek nilai sukar dinilai secara sistematik (Tirri, 2021). Kajian oleh Donesia et al. (2023) menunjukkan bahawa kekangan masa dan tiadanya alat penilaian yang autentik untuk nilai menyebabkan dimensi ini kurang diberi keutamaan dalam bilik kuliah. Tambahan pula, ketidakselarasan antara dasar, amalan organisasi dan budaya kampus turut menjadi penghalang. Dalam sesetengah IPT, walaupun dasar menyatakan komitmen terhadap nilai, budaya sebenar yang dialami pelajar mencerminkan norma yang bertentangan seperti budaya akademik berorientasikan prestasi semata-mata, sikap individualistik, atau pengabaian isu integriti (Mohd Ab Hamid, 2015). Realiti ini mewujudkan jurang antara nilai yang dinyatakan dan nilai yang diamalkan, yang dikenali sebagai *value-practice gap*. Tambahan pula, dalam era digital dan globalisasi, pelajar berhadapan dengan dunia yang sangat pluralistik dari segi budaya dan sistem nilai

yang terkesan dengan lambakan maklumat daripada media sosial dan perubahan sosial pantas. Ini menimbulkan cabaran kepada institusi untuk memperkukuh nilai sejagat tanpa meminggirkan kepelbagaian budaya pelajar (Schulman, 2022). Kegagalan menangani relativisme nilai ini boleh menyebabkan pelajar mengalami kekeliruan moral. Walaupun banyak universiti melaksanakan aktiviti berkaitan nilai seperti Kursus Etika, aktiviti kokurikulum dan khidmat masyarakat, namun impak sebenar terhadap pembangunan nilai pelajar sukar dinilai secara sistematik. Kurangnya instrumen penilaian, piawaian atau kerangka penilaian dan pemantauan yang holistik untuk mengukur impak pendidikan nilai menjadikan sukar untuk menilai sejauh mana pelaksanaan VBE berkesan dalam melahirkan graduan berperibadi mulia (Andirah & Cheng, 2024).

Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pendekatan UiTM dalam menerapkan pendidikan berasaskan nilai melalui aplikasi Model A.D.A.B., serta mengenal pasti cabaran dan cadangan untuk memperkukuh pelaksanaannya dalam konteks institusi pengajian tinggi di Malaysia. Ia sebagai usaha untuk memberi rangka kerja yang lebih berstruktur dan holistik dalam mengintegrasikan pendidikan berasaskan nilai di UiTM dan seterusnya di IPT di Malaysia. Hal ini penting bagi memastikan institusi bukan sahaja melahirkan graduan berkemahiran tinggi, tetapi juga individu yang mempunyai integriti, empati, dan keupayaan membuat keputusan berteraskan nilai dalam dunia sebenar.

SOROTAN LITERATUR

Konsep Pendidikan Berasaskan Nilai

Pendidikan berasaskan nilai merupakan pendekatan penting dalam pembentukan karakter dan pembangunan sahsiah pelajar. Pendidikan berasaskan nilai (*value-based education*) merujuk kepada proses pendidikan yang menekankan pembentukan nilai-nilai moral, etika, dan sosial dalam diri pelajar. Matlamat utama VBE adalah untuk melahirkan individu yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik dan profesional, tetapi juga memiliki integriti, tanggungjawab sosial, empati, dan keupayaan membuat keputusan secara beretika (Hawkes, 2019; Tirri, 2021). Di peringkat global, pendekatan ini semakin diberi perhatian susulan daripada krisis nilai yang melanda pelbagai sektor termasuk politik, perniagaan, teknologi, dan pendidikan yang memperlihatkan betapa pentingnya sistem pendidikan melahirkan graduan yang bukan sahaja bijak, tetapi juga bijaksana (Schulman, 2022). UNESCO (2015) juga menekankan bahawa pendidikan abad ke-21 harus menekankan aspek *learning to be* dan *learning to live together*, yang tidak dapat dicapai tanpa asas nilai yang kukuh.

Dalam konteks Malaysia, aspirasi pendidikan negara seperti yang termaktub dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan menyatakan dengan jelas keperluan mendidik pelajar secara holistik, termasuk dari segi akhlak dan nilai. Pelaksanaan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF 2.0) turut meletakkan penguasaan nilai dan etika sebagai domain pembelajaran utama yang perlu dicapai oleh semua graduan IPT (MQA, 2019). Kajian oleh Munene & Otieno (2023) menunjukkan bahawa apabila IPT menginstitusikan nilai dalam dasar dan pengajaran, ia bukan sahaja meningkatkan etika dalam kalangan pelajar, tetapi turut menggalakkan pembelajaran yang lebih reflektif dan bermakna. Kajian oleh Adiba et al. (2023) menekankan bahawa VBE memainkan peranan penting dalam membentuk sikap inklusif dalam kalangan pelajar. Melalui pendekatan ini, pelajar diajar untuk menghargai kepelbagaian dan mengamalkan toleransi, yang seterusnya menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang harmoni dan bersatu padu.

Kajian Mohd Farhan (2021) mencadangkan pendekatan berasaskan *qalbu* dengan lima elemen utama sebagai asas pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Lima elemen utama yang perlu diberi penekanan adalah kasih sayang, memahami kehendak murid, pengamalan sunnah, kesucian jiwa, dan keberkatan ilmu. Kajian Noor Syahida et al. (2021) pula membincangkan tentang Pendidikan 5.0 dengan memberi penekanan terhadap peranan teknologi dalam menyampaikan nilai kepada pelajar.

Kepentingan Pendidikan Berasaskan Nilai

Pendidikan berteraskan nilai memainkan peranan penting dalam membentuk keperibadian, sahsiah dan jati diri pelajar. Ini kerana pendidikan nilai bukan sahaja menyumbang kepada pencapaian akademik, malah memperkukuh pembangunan moral dan sosial pelajar. Di Malaysia, pendidikan nilai telah menjadi teras dalam dokumen dasar seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2015–2025).

Pendidikan nilai merupakan tunjang dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia. Ia bertujuan untuk membina pelajar holistik melalui pembangunan spiritual dan moral. Nilai-nilai ini penting dalam menyeimbangkan kecemerlangan akademik dan pembangunan peribadi. Hal ini seperti yang telah ditegaskan oleh Abdul Rahman Md Aroff (2014) menerusi kajian beliau. Begitu juga dengan kajian Hamzah dan Abdullah (2021) yang membuktikan bahawa pendidikan yang berteraskan nilai Islam memberi impak kepada pembentukan keperibadian pelajar. Kajian yang menggunakan kaedah Fuzzy Delphi ini telah mengenal pasti konsensus pakar tentang elemen penting dalam pendidikan berteraskan nilai Islam.

Sementara itu Noor Syahida Md Soh et al. (2021) melihat bahawa Pendidikan 5.0 membawa paradigma baharu yang menekankan penggunaan teknologi sebagai alat penyampaian nilai murni. Pendekatan ini membantu melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir teknologi tetapi juga beretika dan berakhlak tinggi. Hal ini turut dilihat penting bagi menangani gejala sosial dalam kalangan remaja. Ini kerana pendidikan akhlak memberi kesan ketara terhadap pengurangan masalah sosial pelajar seperti yang disyorkan oleh Nor Anisa et al. (2023) menerusi kajian beliau. Selain itu beliau turut mencadangkan penggunaan program SUMUR (Sahsiah Unggul Murid) dalam membentuk jati diri pelajar yang kukuh.


Selain itu Barone dan Bajunid (2008) mendapati bahawa persepsi elit pendidikan di Malaysia melihat pendidikan nilai sebagai asas penting bagi perpaduan nasional. Ia merupakan langkah penting bagi menangani isu sosial dalam kalangan belia. Bukan sekadar itu malahan ia turut bereranan dalam menyumbang kepada kelestarian tamadun. Melalui penerapan nilai seperti keadilan dan integriti, masyarakat dapat dibina dengan asas yang kukuh serta berdaya tahan terhadap cabaran moden (Berghout dan Saoudi, 2018).

Berdasarkan perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai pendidikan nilai perlu untuk terus dikaji dan didalami kerana ia memainkan peranan penting dalam membentuk keseimbangan pelajar dari sudut jasmani, emosi, rohani dan intelek. Di samping membantu bagi menangani gejala sosial dalam kalangan remaja. Lebih penting ia selari dengan hasrat negara dalam usaha mencapai perpaduan nasional sekaligus mengekalkan kelangsungan tamadun. Sehubungan itu kajian ini dilihat penting dan ianya masih berbeza dari kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Ini kerana fokus kajian adalah terhadap aplikasi Model A.D.A.B inisiatif UiTM.

Komponen Nilai Dalam Model A.D.A.B

Model A.D.A.B merupakan model reka bentuk pengajaran yang diadaptasi daripada model pengajaran sedia ada, A.D.D.I.E. Namun, keunikan model A.D.A.B ini ialah pada kaedah B iaitu *'built-in belief'*. Kaedah B yang dicadangkan adalah fasa yang melengkapkan keseluruhan proses pengajaran dan pembelajaran.

Rajah 1: Model reka bentuk A.D.A.B dalam penyampaian dan pembelajaran



Sumber: CG ADAB in Education, UiTM

Hal ini adalah untuk memastikan matlamat pendidikan tercapai apabila pelajar mampu menerapkan hasil pelajaran dalam kehidupan mereka. Ilmu yang diterima bukan sahaja meningkatkan kepandaian dan ketajaman intelek mereka malah memberikan mereka nilai untuk dihayati yang mampu membentuk sahsiah diri yang sempurna.

Melihat daripada sudut yang lebih terperinci, kaedah *'built-in belief'* ini secara jelas menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), "Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan." (FPK, KPM)

Dengan penekanan nilai dalam model A.D.A.B ini, seorang insan yang menerima pendidikan bukan sahaja mendapatkan keperluan jasmani dan intelek yang mencukupi, malah rohani dan emosi mereka juga turut diambil penting. Pendekatan ini akan menjarakkan pelajar daripada menjadi manusia yang cerdas akal dan cergas tubuh badan tetapi kosong jiwa dan tidak bijak mengendalikan emosi serta tidak mempunyai matlamat hidup yang jelas.

Kaedah *'Buit-in belief'* ini juga mengukuhkan teras yang dibawa oleh FPK iaitu meneguhkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Maka, potensi akal cemerlang dan kemahiran individu mampu digilap dengan cemerlang tanpa mengenyepikan keperluan spiritual dan emosi mereka. Mereka bukan sahaja bakal menjadi pekerja yang mahir, bijak berhadapan konflik malah mereka juga berpaksikan kepada keimanan yang utuh dan sukar diperdaya oleh sebarang anasir negatif yang boleh meruntuhkan kehidupan.

Dengan ini, seorang individu sempurna sebagai warganegara yang diharapkan oleh FPK bakal dilahirkan sebagaimana dinyatakan, "Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara." (FPK, KPM)

Kaedah ini bertepatan dengan pendidikan Islam yang mengutamakan hasil pendidikan melalui amalan dan peneguhan kepercayaan. Penerapan nilai dari sudut aksiologi mementingkan

hakikat nilainya. Hasil penelitian Harahap (2024) mengenai kitab Ayyuhal Walad menjelaskan hakikat ilmu menurut Al-Ghazali ialah pada amalannya. Sesiapa yang menuntut ilmu wajib mengamalkan ilmunya kerana ilmu tanpa amal ialah gila. Dalam pendidikan, sesuatu ilmu itu tidak bermanfaat kecuali jika sudah diamalkan. Maka, setelah mengamalkan ilmu, barulah seseorang itu akan mengetahui hakikatnya.


Jika sebelum ini dalam sistem pendidikan, pemupukan nilai kebiasaannya diajar secara tidak langsung dan menjadi sisipan kepada kurikulum tanpa kaedah yang sistematik, model A.D.A.B memberi bimbingan langsung kepada pengajar untuk merealisasikan penerapan nilai dalam kehidupan pelajar dengan kaedah yang lebih jelas dan bermatlamat.

Kaedah Penerapan Nilai Dalam Model A.D.A.B

Kaedah penerapan nilai dalam model A.D.A.B bermula daripada perancangan penyampaian dalam sesi pembelajaran, dirangka dengan teliti daripada kaedah: *analysis* (A), *design and deliver* (D), *assess* (A) dan dilengkapi dengan *built-in belief* (B). Kaedah B adalah proses akhir penyerapan nilai dalam diri pelajar.

Kaedah analisis akan menyediakan konten dan suasana kondusif bagi mencapai hasil pembelajaran yang diharapkan. Kaedah penyampaian juga dirangka dengan baik bagi memenuhi keperluan pelajar dan menghubungkan mereka dengan dunia dan masyarakat di sekeliling mereka. Kefahaman pelajar dan kemahiran mereka akan dinilai secara berterusan dan akhirnya kesemua proses tersebut disempurnakan dengan memasukkan usaha menghayati nilai dalam konten yang diterima agar terus mampu digunakan dan dinormalisasikan dalam kehidupan seharian pelajar.

Rajah 2: Perincian kaedah penyampaian dan pembelajaran dalam Model A.D.A.B



Sumber: CG ADAB in Education, UiTM

Berdasarkan rajah 2, terdapat tiga hasil utama daripada penerapan kaedah '*Built-in belief*' ini: (1) Memasukkan refleksi, (2) Membina kepercayaan yang kuat dan (3) Meningkatkan kepercayaan.

Melalui refleksi, pelajar akan memahami bahawa konten pelajaran mereka bukanlah sesuatu yang hanya menambahkan kepandaian dan kemahiran mereka sahaja, malah mereka mampu menghayati nilai yang terkandung di dalam konten pelajaran tersebut dan diguna pakai dalam kehidupan. Dengan usaha ini, mereka akan lebih berasa hampir dengan konten tersebut dan menganggapnya sebahagian daripada kehidupan mereka yang sebenar.

Selain itu, kaedah *'Built-in belief'* ini akan membina kepercayaan yang kuat dalam diri pelajar. Apabila pelajar telah menyerap nilai daripada konten pelajaran mereka, kepercayaan dalam diri mereka terhadap kehidupan akan utuh, begitu juga kepercayaan yang bersifat spiritual dalam diri mereka. Kepercayaan ini akan melahirkan jiwa yang kuat dan hati yang teguh dalam mendepani apa sahaja cabaran. Maka, konten pelajaran mereka dapat dihayati dengan baik dan direalisasikan sebagai teras dan pegangan dalam kehidupan.

Model A.D.A.B menyediakan panduan nilai bagi memudahkan proses penyampaian dan pembelajaran. Panduan nilai ini dibahagikan kepada lapan bahagian utama: Nilai bertuhan, nilai beragama, nilai berbuat kebaikan, adab sebagai penuntut ilmu, hubungan dengan Tuhan, hubungan dengan diri, hubungan dengan masyarakat serta hubungan dengan alam.

Setiap nilai diperincikan dengan sub nilai yang mampu diterapkan secara berkala kepada para pelajar, mengikut kepada kesesuaian topik yang diajar. Setiap kod ini adalah bersifat universal yang membolehkannya diguna pakai dalam mana-mana konten pelajaran yang berkaitan tanpa mengira bidang.

Rajah 3: Panduan kod nilai untuk pelan pengajaran Model A.D.A.B

PANDUAN KOD NILAI DAN KOD ELEMEN UNTUK PELAN PENGAJARAN MODEL A.D.A.B		PANDUAN KOD NILAI MODEL A.D.A.B	
KOD NILAI	PENERANGAN / HURAIAN	KOD NILAI	PENERANGAN / HURAIAN
B1	Nilai Bertuhan 1 Tuhan sebagai sumber ilmu 2 Keyakinan Tuhan Maha Berkuasa 3 Keyakinan Tuhan Maha Bijaksana 4 Keyakinan Tuhan Maha Pengasih Penyayang	B5	Hubungan Dengan Tuhan 1 Mengiktiraf keagungan Tuhan 2 Menyukuri segala kurniaan Tuhan 3 Menerima ketentuan Tuhan dengan sangka baik 4 Mengingati Tuhan 5 Meminta dan menyerah diri pada Tuhan
B2	Nilai Beragama 1 Yakin agama menyuruh kebaikan 2 Menyedari kepentingan beragama 3 Mentaati suruhan agama 4 Menghormati perbezaan kepercayaan agama	B6	Hubungan Dengan Diri 1 Menghargai kelebihan dan bakat diri 2 Menerima dan memperbaiki kekurangan diri 3 Memiliki dan berusaha mencapai cita-cita / impian 4 Memelihara kesejahteraan diri dari sudut JERI 5 Menangani konflik dengan bijaksana
B3	Nilai Berbuat Kebaikan 1 Mempunyai rasa peduli 2 Mempunyai rasa empati 3 Mempunyai kemanusiaan	B7	Hubungan Dengan Masyarakat 1 Menghormati dan bertoleransi kepelbagaian agama dan budaya 2 Menyantuni dan tidak mudah menilai (judgemental) 3 Menjaga keharmonian dalam masyarakat 4 Peduli dan cakna dengan keperluan masyarakat 5 Menjaga pemikiran, Bahasa dan perbuatan dalam hubungan dan pergaulan 6 Menangani perubahan dalam masyarakat lokal dan global
B4	Adab Sebagai Penuntut Ilmu 1 Memahami kepentingan ilmu 2 Menghormati ibubapa dan guru 3 Menjaga adab dengan kawan-kawan 4 Bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu	B8	Hubungan Dengan Alam (Alam Natural dan Alam Buatan) 1 Menghargai alam 2 Menjaga keseimbangan 3 Mengelakkan pembaziran / kerosakkan 4 Menjaga keselamatan 5 Menghargai kebersihan dan persekitaran

Sumber: CG ADAB in Education, UiTM

Kod nilai ini diberikan sebagai panduan dan pengajar bebas memilih mana-mana kod yang mampu diselaraskan dengan objektif pelajaran masing-masing. Kod nilai yang bersifat fleksibel ini akan mampu diterapkan dalam semua bidang termasuklah teknologi, sains ataupun yang bersifat praktikal seperti sukan dan lain-lain. Berikut merupakan pelan pengajaran yang telah diterapkan kaedah *'Built-in belief'* dan elemen Model A.D.A.B daripada subjek berteraskan komputer.

Rajah 4: Pelan pengajaran yang dimasukkan Model A.D.A.B

Week	Lecture Topic	Subtopics	Textbook	Remarks	Lab	Elemen A.D.A.B	Build-in Belief
1		Evolution of computer and the Internet	1. Evolution of computer (pg. 564-574) 2. Origin of Internet (pg. 1110-112) 3. Types of computer (pg. 69-72)	Entrance survey	Introduction to Arduino Kit & IDE Installation (A1 Setup pg 10 & A2 Strobe Light pg 12)	Situate - Soal selidik berkenaan computer literacy - Menyatakan kepentingan komputer kepada program pengajian pelajar - Etika dan moral dalam menggunakan komputer (dos & don'ts)	B4: - memahami kepentingan ilmu - bersungguh dalam menuntut ilmu
2		Ubiquitous technologies and societies and Internet of Things (IoT's)	1. Ubiquitous technologies and society (pg 45-56 pg. 279,303,534)	Announcement of Case Study	Arduino (A3 Running Light pg14 & A4 Mood Lighting pg16)	Situate Watching Video: What is IoT? - Tell the class what IoT devices they have ever used. - Discuss what are the benefits of having IoT. - Develop IoT devices during the Lab sessions (Arduino).	B6: menghargai kelebihan dan bakat diri

Ts Dr. Zaid Mujalid Putra Ahmad Baidowi
CHAMPION A.D.A.B 2023

Sumber: Pelan pengajaran Champion A.D.A.B 2023, UiTM

Berdasarkan contoh pelan pengajaran yang disertakan dalam rajah, model A.D.A.B dirancang untuk disesuaikan bagi satu-satu perancangan pengajaran. Kaedah *built-in belief* ini akan diterapkan untuk memberi peluang kepada pelajar menghubungkan pelajaran, tugas dan aktiviti sepanjang sesi pembelajaran dengan nilai kehidupan. Dengan ini, mereka akan dibiasakan dengan suasana yang mengutamakan nilai murni dan akhirnya melahirkan individu yang bersahsiah unggul, selari dengan kehendak FPK.

Domain nilai dan Peranan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dalam pembelajaran berasaskan hasil (VBE)

Kerangka Kelayakan Malaysia Edisi Kedua (2024) menandakan transformasi signifikan dalam pendidikan tinggi Malaysia dengan menetapkan empat penekanan utama: Pendidikan Berasaskan Nilai, Laluan Pembelajaran Fleksibel, Agenda Kelestarian Global, dan penyelarasan MQF dengan kerangka kelayakan lain yang sedia ada di Malaysia. Transformasi ini mencerminkan pengiktirafan eksplisit terhadap kepentingan pembangunan nilai dan etika dalam melahirkan graduan yang holistik, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk membangunkan individu yang seimbang dari aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial. MQF 2024 memposisikan nilai bukan sekadar sebagai komponen tambahan, tetapi sebagai elemen teras yang disepadukan dalam semua tahap pembelajaran dan kelayakan, daripada Tahap 1 (Sijil) sehingga Tahap 8 (Ijazah Kedoktoran) (Malaysian Qualifications Agency, 2024).

Pendekatan integrasi nilai dalam MQF 2024 dilaksanakan melalui dua dimensi utama: pertama, penerapan nilai dalam Lima Kluster Hasil Pembelajaran yang merangkumi pengetahuan dan pemahaman, kemahiran berfikir kritis, kemahiran praktikal, kemahiran sendiri, kemahiran berinteraksi dan keusahawanan, serta etika dan profesionalisme; dan kedua, perkembangan nilai secara progresif merentasi lapan tahap kelayakan. Nilai-nilai ini diterap dan disepadukan dalam semua aspek pengalaman pembelajaran pelajar melalui strategi pengajaran-pembelajaran dan penilaian, termasuk pembelajaran berasaskan kerja dan aktiviti kokurikulum. Kerangka ini juga menggabungkan nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan dengan agenda global, khususnya Matlamat Pembangunan Lestari dan kewarganegaraan global, bagi memastikan graduan mampu bersaing dan menyumbang dalam persekitaran yang semakin kompleks dan saling berkaitan (Malaysian Qualifications Agency, 2024).

Berikut merupakan jadual nilai yang diterapkan dalam MQF 2024 yang menunjukkan lima kategori nilai utama dan penerapannya dalam kluster hasil pembelajaran.

Jadual 1: Kategori Nilai Utama dalam MQF

Kategori Nilai	Komponen Nilai	Deskripsi	Kluster MQF
Nilai Etika dan Profesional	Integriti	Kejujuran akademik, mengelakkan plagiarisme	Kluster 5
	Kelakuan Profesional	Mematuhi kod etika dan piawaian profesional	Kluster 5
	Kepatuhan	Mematuhi peraturan, undang-undang, kod amalan baik	Kluster 5
Nilai Sosial dan Kewarganegaraan	Tanggungjawab Sosial	Komitmen kepada kebajikan komuniti	Kluster 3, 5
	Kewarganegaraan	Sumbangan kepada pembangunan negara	Kluster 4, 5
	Kesedaran Politik-Sosial	Pemahaman isu semasa dan tanggungjawab sivil	Kluster 5
Nilai Kepelbagaian dan Toleransi	Penghargaan Kepelbagaian	Menghormati perbezaan budaya, agama, etnik	Kluster 3, 5
	Toleransi	Hidup harmoni dalam masyarakat majmuk	Kluster 3, 5
	Sensitiviti Budaya	Pendekatan sensitif dengan budaya lain	Kluster 3, 5
Nilai Kelestarian	Amalan Lestari	Komitmen terhadap kelestarian alam sekitar	Kluster 1, 3, 5
	Kesedaran Global	Pemahaman isu global dan SDGs	Kluster 5
	Tanggungjawab Ekologi	Menjaga alam sekitar untuk generasi masa depan	Kluster 5
Nilai Pembelajaran dan Peribadi	Pembelajaran Sepanjang Hayat	Komitmen terhadap pembelajaran berterusan	Kluster 4
	Keusahawanan	Kreativiti, inovasi, kegigihan	Kluster 4
	Kemandirian	Autonomi dan tanggungjawab peribadi	Kluster 3, 4

Sumber: Malaysian Qualifications Agency, 2024

Jadual 1 menunjukkan bahawa MQF 2024 mengkategorikan nilai kepada lima domain utama yang mencerminkan spektrum komprehensif pembangunan karakter graduan. Kategori Nilai Etika dan Profesional menjadi teras utama yang tertumpu sepenuhnya pada Kluster 5, menunjukkan penekanan eksplisit terhadap integriti, profesionalisme dan kepatuhan kepada piawaian yang ditetapkan. Nilai ini penting dalam memastikan graduan mematuhi kod etika dalam bidang masing-masing dan mengekalkan standard profesional yang tinggi dalam kerjaya mereka. Nilai Sosial dan Kewarganegaraan diterapkan pada Kluster 3, 4, dan 5, yang mencerminkan kepentingan tanggungjawab sivil yang perlu diintegrasikan dalam kemahiran praktikal, kemahiran

peribadi, dan etika profesional. Nilai ini menunjukkan bahawa pembelajaran bukan sekadar memahami konsep teoretikal namun perlu diaplikasi melalui tindakan praktikal. Begitu juga dengan Nilai Kepelbagaian dan Toleransi yang diterap pada Kluster 3 dan 5, yang menekankan kepentingan kemahiran berinteraksi dalam konteks profesional dan sosial.

Nilai Kelestarian diterapkan secara merentas tiga kluster iaitu Kluster 1, 3, dan 5, yang menunjukkan bahawa nilai ini perlu disepadukan dalam pengetahuan asas, kemahiran praktikal, dan etika profesional. Ini selaras dengan agenda global yang menuntut kesedaran kelestarian dalam semua aspek kehidupan dan kerjaya. Seterusnya nilai Pembelajaran dan Peribadi tertumpu dalam Kluster 3 dan 4, mencerminkan kepentingan kemandirian dan keusahawanan sebagai asas pembangunan diri yang berterusan.

Seterusnya akan dijelaskan perkembangan nilai mengikut tahap kelayakan dalam MQF yang menunjukkan evolusi nilai dari peringkat asas hingga lanjutan.

Jadual 2: Perkembangan Nilai Mengikut Tahap MQF

Tahap MQF	Kelayakan	Nilai Utama yang Ditekankan
Level 1	Certificate	• Nilai peribadi asas • Kesedaran komuniti • Sensitiviti budaya
Level 2	Certificate	• Tanggungjawab peribadi • Kesedaran politik-sosial • Penghargaan kepelbagaian • Pembelajaran berterusan
Level 3	Certificate	• Etika kerja • Penglibatan sivil aktif • Kemahiran keusahawanan asas
Level 4	Diploma	• Etika organisasi dan profesional • Kepimpinan beretika • Amalan lestari • Aspirasi nasional
Level 5	Advanced Diploma	• Tanggungjawab sosial • Amalan profesional lestari • Kompetensi antara budaya • Kepimpinan dalam persekitaran baharu
Level 6	Bachelor's Degree	• Profesionalisme dan integriti • Kewarganegaraan global • Keputusan beretika • Kesedaran isu sosio-ekonomi-budaya
Level 7	Master's Degree	• Kepimpinan etika lanjutan • Sumbangan sosial-teknologi • Keputusan kompleks beretika • Tanggungjawab profesional tinggi
Level 8	Doctoral Degree	• Kepimpinan etika dalam penyelidikan • Sumbangan kemajuan sosial-teknologi • Isu etika • Tanggungjawab terhadap masyarakat

Sumber: Malaysian Qualifications Agency, 2024

Jadual 2 menunjukkan perkembangan nilai yang diterapkan dari tahap asas sehingga lanjutan dalam sistem pembelajaran di Malaysia. Pada peringkat sijil (Level 1-3), penekanan diberikan kepada pembangunan kesedaran nilai peribadi dan sosial yang fundamental. Level 1 memfokuskan kepada nilai peribadi asas dan kesedaran komuniti dalam konteks yang terhad dan di bawah bimbingan tenaga pengajar. Perkembangan nilai disepadu secara beransur-ansur dengan diteruskan pada Level 2 yang menerapkan nilai tanggungjawab peribadi dan kesedaran politik-sosial, manakala Level 3 mula menerapkan nilai etika kerja dan penglibatan aktif dengan autonomi.

Peralihan kepada peringkat diploma (Level 4-5) menandakan satu anjakan paradigma yang ketara dalam perkembangan nilai. Level 4 memperkenalkan etika organisasi dan profesional yang lebih kompleks, serta kepimpinan beretika dalam konteks kerja yang pelbagai. Level 5 pula menekankan tanggungjawab sosial lanjutan dan kompetensi antara budaya, yang mencerminkan keperluan untuk diaplikasi dalam persekitaran yang tidak dapat diramal dengan kemadirian yang tinggi. Pada peringkat ini, individu itu bukan sahaja bertanggungjawab terhadap diri sendiri, malah terhadap individu lain dalam organisasi. Peringkat ijazah (Level 6-8) menunjukkan puncak perkembangan nilai yang menggabungkan kepimpinan etika, sumbangan kepada masyarakat, dan impak kepada global. Level 6 memfokuskan kepada profesionalisme, integriti dan kewarganegaraan global dalam konteks kepimpinan organisasi. Level 7 dan 8 menekankan kepimpinan etika lanjutan dengan tanggungjawab untuk menyumbang kepada kemajuan sosial dan teknologi. Seterusnya level 8 menuntut keupayaan untuk menangani isu etika yang baharu dan kompleks dalam penyelidikan dengan autonomi penuh dan impak yang meluas kepada masyarakat global. Perkembangan ini menunjukkan bahawa MQF bukan sahaja menekankan peningkatan pengetahuan dan kemahiran teknikal, tetapi juga kematangan moral dan etika yang seiring dengan tahap kelayakan yang dicapai.

Implikasi MQF terhadap Reka Bentuk Kurikulum dan Hasil Pembelajaran

Integrasi nilai dalam MQF 2024 membawa implikasi yang signifikan terhadap reka bentuk kurikulum dan hasil pembelajaran di institusi pendidikan tinggi. Kurikulum yang direka bentuk secara holistik bagi memastikan nilai-nilai ini bukan sekadar diajar sebagai subjek berasingan, namun diintegrasikan dalam semua kursus dan aktiviti pembelajaran melalui pendekatan yang disepadukan. Institusi pendidikan tinggi perlu menggunakan kaedah pedagogi yang inovatif seperti pembelajaran berasaskan projek komuniti, simulasi etika, dan pembelajaran reflektif (Malaysian Qualifications Agency, 2014) untuk membolehkan pelajar mengaplikasikan nilai secara praktikal. Dari segi penilaian, cabaran utama ialah mengukur pencapaian nilai yang bersifat abstrak, yang memerlukan pendekatan penilaian alternatif seperti portfolio, refleksi, projek khidmat masyarakat, dan penilaian rakan sebaya. Hasil pembelajaran yang dijangka bukan sahaja melahirkan graduan yang berkemahiran teknikal, tetapi juga memiliki karakter yang kukuh, kebolehpasaran yang tinggi dalam pasaran kerja global serta berupaya untuk menyumbang secara bermakna kepada pembangunan sosio-ekonomi negara sebagai warganegara yang bertanggungjawab dan beretika (Malaysian Qualifications Agency, 2024).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis kandungan (*content analysis*), yang bertujuan untuk meneliti secara mendalam pendekatan, prinsip pelaksanaan dan naratif nilai yang terkandung dalam dokumen, dasar, pekeliling, pelaporan institusi, instrumen pengajaran dan kajian terdahulu berkaitan pendidikan nilai dalam konteks Pendidikan Tinggi dan Universiti Teknologi MARA. Pendekatan ini sesuai digunakan apabila penyelidik ingin mengenal pasti pola, tema dan makna tersembunyi dalam bahan bertulis yang berkaitan dengan fenomena kajian

(Schreier, 2012; Elo & Kyngäs, 2008). Pendekatan ini dipilih bagi membolehkan penyelidik menganalisis secara sistematik teks, dokumen dan maklumat tidak berstruktur untuk mengenal pasti tema, makna tersirat, dan ideologi yang mendasari aplikasi nilai dalam konteks institusi pendidikan tinggi. Data utama kajian ini diperoleh melalui dokumen sekunder yang merangkumi Dasar pendidikan negara seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015–2025, Pelan Tindakan Pendidikan Tinggi Malaysia (PTPTM) 2022-2025, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF 2.0) oleh MQA, dan dokumen UNESCO. Dokumen UiTM seperti Pelan Pendidikan 5.0, dokumen rasmi Hal Ehwal Pelajar, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEP), Pelan Strategik UiTM 2025, dan Model A.D.A.B. Selain itu artikel jurnal berindeks berkaitan pendidikan nilai dan pembangunan tingkahlaku di pendidikan tinggi turut dirujuk.

Analisis kandungan dalam kajian ini merangkumi analisis deduktif dan induktif. Secara deduktif, analisis dimulakan dengan kategori awal berdasarkan kerangka kelayakan Malaysia (MQF) berkaitan Pendidikan Berasaskan Nilai (VBE), Pelan Pendidikan Tinggi Global dan Kebangsaan, dokumen-dokumen dari UNESCO, dokumen institusi dan dasar rasmi UiTM, laporan kajian dan prinsip Model A.D.A.B. Manakala secara induktif, pengekodan terbuka dilakukan terhadap data yang diperoleh daripada dokumen institusi dan pelaporan pelaksanaan yang tidak distrukturkan, bagi membina tema-tema untuk dimasukkan di dalam analisa perbandingan Pendidikan Berasaskan Nilai dan Model A.D.A.B. Penggunaan analisis kandungan bersesuaian dalam kajian ini kerana ia dapat menjelaskan dokumen serta strategi yang diguna pakai dalam penerapan nilai seperti yang dilakukan oleh Krippendorff (2019), dan Schreier (2012).

Analisis kandungan dijalankan melalui beberapa fasa sistematik seperti yang disarankan oleh Mayring (2014): i) Fasa persediaan iaitu mengenal pasti dokumen utama yang berkaitan dengan pelaksanaan VBE samada di peringkat global, kebangsaan, kementerian, dan UiTM. ii) Fasa kodifikasi dengan menggunakan teknik pengekodan terbuka untuk mengekstrak tema dan subtema berkaitan dimensi nilai, strategi pelaksanaan dan cabaran. iii) Fasa kategorisasi ialah mengelompokkan kod kepada kategori yang mewakili elemen penting dalam pendidikan berasaskan nilai seperti dimensi adab kepada Tuhan, manusia, dan alam. iv) Fasa interpretasi iaitu membina naratif konseptual berdasarkan Pendidikan Berasaskan Nilai (VBE) dan Model A.D.A.B menggunakan teknik pemetaan dan hubungan konsep. Lincoln dan Guba (1985) menjelaskan aspek kebolehpercayaan (*reliability*) dilihat berpanduan triangulasi data daripada pelbagai sumber seperti dokumen, temubual, laporan rasmi, dan polisi. Seterusnya aspek kesahan (*validity*) ialah menyemak data analisa perbandingan Pendidikan Berasaskan Nilai (VBE) dan Model A.D.A.B melalui semakan rakan penyelidik (*peer debriefing*) dilakukan bagi menyemak kod dan kategori yang dibina.

ANALISIS PERBANDINGAN DOKUMEN

Analisa Model A.D.A.B dan Pendidikan Berasaskan Nilai (VBE) Dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 2024

Penulisan ini menganalisis secara perbandingan dokumen Model A.D.A.B yang telah dilaksanakan oleh UiTM dan dokumen Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 2024. Fokus perbandingan ialah kepada pendekatan dan penekanan pendidikan berteraskan nilai seperti yang diutarakan dalam Model A.D.A.B Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan dokumen Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 2024. Paparan analisis adalah tentang persamaan dan perbezaan antara kedua-dua dokumen dan diikuti cadangan tentang teras pendidikan nilai yang selari dengan kerangka Islam.

Inisiatif UiTM dan MQA mempunyai objektif dan matlamat yang jelas bagi memastikan pembinaan karakter dan kejiwaan mahasiswa sentiasa dipandu secara berterusan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Analisa persamaan Model A.D.A.B dan MQF2024

Dari segi persamaan, kedua-dua Model A.D.A.B dan MQF 2024 memperlihatkan keselarasan dalam aspirasi untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, jasmani dan rohani. Model A.D.A.B merangka keseimbangan ini menerusi akronim *A-Analysis* bagi mengetahui profil, kesediaan, dan cabaran pelajar dalam belajar pada konteks semasa yang melibatkan aspek jasmani dan emosi pelajar. Ia wajib dilaksanakan oleh pensyarah pada minggu satu dan secara berkala sehingga minggu empatbelas (14). Dari segi intelek, akronim *D-Design* melibatkan tujuh (7) langkah pembelajaran iaitu *Situate, Digest, Synthesize, Create, Connect, Reflect, Value and Extend* dipraktikkan sepanjang tempoh kuliah empat belas (14) minggu bagi mewujudkan pembelajaran berkesan. Aspek intelek juga dinilai di bawah akronim *A-Assess* menerusi penilaian terhadap hasil pembelajaran dari aspek nilai yang telah diintegrasikan di dalam pembelajaran. Sementara itu aspek kerohanian diterapkan di dalam akronim *B-Built-in Belief* melalui pengintegrasian nilai yang disepadukan dengan topik pembelajaran berpandukan kursus yang diajar. MQF pula menegaskan bahawa pendidikan tinggi perlu melahirkan “individu yang berilmu, berkemahiran dan beretika tinggi, selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)” (MQF 2024).

Kedua-duanya menjadikan nilai sebagai komponen teras dalam pembangunan kurikulum dan pembentukan pelajar. Model A.D.A.B mengintegrasikan nilai menerusi proses pembentukan adab dalam diri dan akhlak pelajar secara sistematik (CG A.D.A.B, CIDL), manakala MQF 2024 memperkenalkan pendekatan *Value-Based Education (VBE)* yang menekankan “nilai manusiawi, masyarakat dan komuniti yang meningkatkan kemahiran industri” (MQF 2024). Pendekatan ini menegaskan pentingnya pendidikan nilai sebagai asas untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang secara akademik, tetapi juga memiliki jati diri dan keutuhan jati diri dalam berperanan secara konstruktif dalam masyarakat.

Selaras dengan aspirasi pembangunan holistik, Model A.D.A.B memberi penekanan yang mendalam terhadap dimensi spiritual dan pembangunan hati dan emosi yang sejahtera, dengan memberi ruang kepada refleksi, penyucian jiwa dan bimbingan adab sebagai teras pembelajaran. MQF 2024 pula menstrukturkan aspek ini melalui keperluan membina “karakter yang seimbang, berkualiti dan berkemahiran insaniah” dalam Hasil Pembelajaran Program (PLO) dan kursus (MQF 2024).

Dari segi strategi pelaksanaan, kedua-dua model menekankan pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) yang autentik dan kontekstual. Model A.D.A.B memanfaatkan *situated learning* melalui penglibatan pelajar dalam aktiviti bersama komuniti dan industri yang membawa nilai kehidupan sebenar. MQF turut menyarankan kaedah serupa bagi membolehkan pelajar mengasah kemahiran insaniah melalui “pengalaman pembelajaran yang membina empati, integriti dan tindakan berasaskan nilai” (MQF 2024).

Selain itu, kedua-dua dokumen memperakui peranan pensyarah sebagai ejen transformasi nilai. Model A.D.A.B mentakrifkan pensyarah sebagai pembimbing sikap, rohani dan akhlak, bukan semata-mata penyampai ilmu. MQF 2024 pula menjelaskan bahawa pendidik perlu memainkan peranan sebagai pembimbing yang “mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menyuburkan budaya nilai, etika dan profesionalisme” (MQF 2024).

Secara keseluruhannya, analisis ini memperlihatkan bahawa Model A.D.A.B dan MQF 2024 berkongsi visi besar dalam melahirkan graduan yang bukan sekadar cemerlang secara akademik, tetapi juga berakhlak mulia, berintegriti dan mampu menyumbang secara lestari kepada pembangunan masyarakat. Namun, Model A.D.A.B menawarkan nilai tambah yang signifikan

dengan menjadikan aspek ketuhanan yang menekankan *tauhid*, aspek manusiawi yang memelihara *adab*, *amanah* dan *hikmah* serta aspek pemeliharaan dan pemuliharaan alam sebagai inti dalam proses pendidikan sebagai satu elemen yang memperkukuh makna nilai itu sendiri dalam acuan Pendidikan Islam.

Analisa aspek kekuatan Model A.D.A.B

Analisis terhadap kekuatan Model A.D.A.B UiTM dalam konteks keselarasan dengan prinsip pendidikan berteraskan nilai seperti yang digariskan dalam *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) Second Edition 2024 mendedahkan beberapa elemen utama yang signifikan dan unik.

Pertama, walaupun Model A.D.A.B dibangun sebagai kerangka pengajaran dan pembelajaran di peringkat institusi, ia berakar kukuh pada falsafah pendidikan Islam, khususnya melalui penekanan terhadap prinsip adab dan amanah. Istilah A.D.A.B dalam konteks ini bukan sekadar merujuk kepada tatasusila dan etika sosial, tetapi mencerminkan hubungan yang menyeluruh, baik dalam hubungan horizontal dengan sesama manusia dan alam sekitar, mahupun hubungan vertikal dengan Tuhan sebagai Pencipta. Pendekatan ini selari dengan pandangan Syed Muhammad Naquib al-Attas yang mentakrifkan pendidikan sebagai proses ta'dib, yakni penanaman adab dan hikmah melalui ilmu yang sahih dan bertanggungjawab. Beliau menekankan bukan sahaja persoalan apa dan bagaimana ilmu dipelajari, tetapi juga untuk siapa dan mengapa ilmu itu digunakan, yang berkisar kepada hakikat dan tujuan utama manusia diciptakan (Muhammad Ardiansyah et al. 2019). Pendekatan ini memperkukuh elemen nilai dalam pendidikan yang disebut secara langsung dalam MQF 2024, khususnya apabila dokumen tersebut menyatakan bahawa sistem pendidikan tinggi perlu menjana individu yang bukan sahaja berpengetahuan dan berkebolehan, tetapi juga beretika, bertanggungjawab dan berperanan secara produktif dalam masyarakat (MQF 2024). Ini menjadikan Model A.D.A.B suatu kerangka yang bukan sahaja fungsional, tetapi juga transformatif secara spiritual.

Kedua, Model A.D.A.B dibangun di atas tiga konsep utama iaitu ilmu, adab, dan insan. Ketiga-tiga konsep ini membentuk suatu kerangka pendidikan yang integratif dan saling melengkapi. Ilmu tidak dilihat sebagai instrumen teknikal semata-mata, tetapi perlu digabungkan dengan adab bagi membina insan yang seimbang dari sudut akal, rohani, emosi dan jasmani. Pendekatan ini secara langsung menangani isu dikotomi ilmu dan etika yang wujud dalam sistem pendidikan moden, selain bersifat seiring dengan matlamat MQF 2024 untuk melahirkan graduan holistik. Hal ini digariskan secara eksplisit apabila MQF menyatakan bahawa pembangunan graduan seharusnya melibatkan aspek intelek, emosi, rohani dan fizikal sebagai satu kesatuan yang holistik (MQF 2024). Lebih daripada itu, konsep ilmu–adab–insan dalam Model A.D.A.B membuka ruang kepada amalan pendidikan yang menekankan penyucian hati (*tazkiyat al-nafs*), penilaian sendiri (*muhasabah*), serta pengamalan nilai dalam kehidupan harian. Ini menjadikan proses pembelajaran bukan sahaja bersifat kognitif, tetapi juga menyentuh aspek rohani dan emosi, satu bentuk penyempurnaan kepada dimensi nilai yang digariskan dalam kerangka MQF.

Ketiga, pelaksanaan Model A.D.A.B direka bentuk untuk memupuk penglibatan pelajar secara kontekstual, termasuk dalam aktiviti bersama komuniti, industri dan alam sekitar. Pendekatan *real-life engagement* ini mencerminkan nilai-nilai kehidupan sebenar dan membolehkan pelajar mengembangkan kemahiran reflektif, empati sosial dan kepemimpinan beradab. Instrumen pentaksiran dalam Model A.D.A.B juga menunjukkan kekuatan tersendiri yang menyokong pelaksanaan VBE dalam MQF. Penggunaan kaedah seperti jurnal reflektif, kajian kes, kajian lapangan, dan pemerhatian sikap memperlihatkan pendekatan pentaksiran nilai yang lebih sahih, holistik dan berakar kepada pengalaman. Pembelajaran secara reflektif berupaya mengintegrasikan maklumat kepada pengalaman pembelajaran yang bermakna dan mencungkil rasa ingin tahu mendalam kepada pelajar (Zelani et al. 2021). MQF 2024 turut mengakui

keperluan ini apabila menegaskan bahawa integrasi nilai perlu dipantau melalui kaedah pedagogi dan penilaian yang relevan: kaedah pengajaran dan penilaian haruslah memupuk nilai seperti integriti, empati, akauntabiliti dan tanggungjawab sosial secara bersepadu (MQF 2024).

Secara keseluruhan, Model A.D.A.B bukan sahaja melengkapkan aspirasi MQF terhadap pendidikan nilai, malah menawarkan pendekatan berasaskan kerangka Islam yang lebih mendalam dan spiritual. Ini menjadikannya sebuah model yang berpotensi untuk ditransformasikan sebagai amalan terbaik dalam pendidikan tinggi Malaysia, khususnya dalam konteks memartabatkan nilai sebagai teras sebenar pembinaan insan.

Analisa nilai Islam dalam model A.D.A.B yang tidak tersurat dalam MQF 2024

Dalam menganalisis elemen-elemen nilai yang dinyatakan secara tersurat dan tersirat dalam Model A.D.A.B UiTM dan *Malaysian Qualifications Framework (MQF) Second Edition 2024*, beberapa perbezaan asas dapat dikenal pasti. Perbezaan ini bukan bermaksud percanggahan, tetapi membuka ruang pelengkap yang signifikan terhadap pelaksanaan pendidikan berteraskan nilai di peringkat institusi pengajian tinggi.

Tauhid sebagai Asas Epistemologi dan Ontologi Pendidikan

Model A.D.A.B menegaskan bahawa pendidikan merupakan sebahagian daripada ibadah dan bertujuan membawa manusia kepada mengenal Allah (*ma'rifatullah*), pengenalan dan pengabdian kepada Tuhan. Prinsip *tauhid* menjadi kerangka utama yang menyatukan dimensi ilmu, akhlak dan makna hidup, sekali gus mencorak pandangan alam Islamik dalam proses pendidikan. Pelajar tidak hanya menerima maklumat, tetapi dibimbing untuk memahami realiti dan ilmu melalui hubungkait antara Pencipta, manusia, dan makhluk ciptaan.

Sebaliknya, MQF 2024 mengemukakan kerangka nilai yang lebih bersifat universal, seperti *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan prinsip *UNESCO Futures of Education*, tanpa rujukan eksplisit kepada nilai ketuhanan atau tauhid. Walaupun dokumen ini menekankan kepentingan nilai sejagat dan tanggungjawab sosial, ia menyatakan: *Graduates are expected to demonstrate values and ethics to meet societal expectations, addressing local and global challenges* (MQF 2024). Namun, tiada rujukan khusus kepada nilai berasaskan wahyu atau metafizik Islam. Dalam hal ini, Model A.D.A.B berfungsi untuk menyepadukan *worldview* tauhidik ke dalam kurikulum dan strategi pedagogi. Ini memastikan pendidikan nilai tidak bersifat relatif atau sekular semata-mata, sebaliknya dipandu oleh misi kehambaan (*ubudiyyah*) dan kepimpinan (*istikhlaf*), menjadikan nilai yang dibangunkan bersifat transenden dan kekal.

Konsep A.D.A.B dan Tradisi Nilai dalam Masyarakat Bertamadun

Dalam tradisi Islam, adab membawa pengertian yang jauh lebih dalam daripada sekadar etika sosial. Ia bermakna *meletakkan sesuatu pada tempatnya*, mencakupi kesedaran terhadap Tuhan, penghormatan kepada ilmu, guru dan diri, serta pelaksanaan amanah secara bertanggungjawab. Model A.D.A.B menjadikan adab sebagai inti pembentukan pelajar melalui proses spiritual seperti *tazkiyat al-nafs*, *muraqabah*, dan *muhasabah* yang mendidik hati dan menyucikan jiwa.

MQF 2024 menggunakan istilah seperti *ethics*, *values*, dan *integrity* secara konsisten, seperti dalam pernyataan: *Graduates are expected to demonstrate personal autonomy, integrity, responsibility and accountability in personal and professional contexts* (MQF 2024). Namun, nilai-nilai ini ditampilkan dalam bentuk luaran dan objektif, tidak dikaitkan secara mendalam dengan dimensi dalaman atau spiritual seperti yang digariskan dalam tradisi Islam.

Melalui kerangka Model A.D.A.B, nilai dapat dipupuk secara menyeluruh menerusi pendekatan berpusatkan hati (*qalb-centric*), yang membina *qalbun salim* dalam kalangan pelajar dan pendidik. Ini menawarkan pendekatan pendidikan nilai yang tidak hanya normatif, tetapi

bersifat spiritual, reflektif dan bertanggungjawab secara moral. Aspek keyakinan dan kepatuhan kepada Tuhan memberi kesan kepada pembentukan peribadi yang sejahtera khususnya dalam membina kekuatan rohani dan emosi yang stabil (Othman et. al, 2023)

Nilai Ubudiyah dan Khalifah dalam Pendidikan

Model A.D.A.B memperkukuh kerangka nilai Islam melalui dua konsep utama: manusia sebagai *hamba Allah (ubudiyah)* dan *khalifah* di bumi. Ilmu bukan sekadar alat untuk produktiviti industri, tetapi dinilai sebagai cahaya yang menyucikan jiwa dan menjurus kepada hikmah serta kebijaksanaan praktikal. Ini selari dengan misi pendidikan Islam yang mendekatkan manusia kepada Allah, bukan sekadar memuaskan kehendak pasaran kerja.

Sebaliknya, MQF 2024 menekankan pembangunan kompetensi dan kebolehpasaran graduan sebagai salah satu matlamat utama. Misalnya, ia menyatakan: *Graduates should be equipped with skills that are transferable and relevant to the workplace* (MQF 2024). Namun, nilai intrinsik ilmu sebagai jalan mendekatkan diri kepada Tuhan tidak diangkat secara tersurat.

Model A.D.A.B menyelaraskan ilmu dan profesion sebagai amanah, bukan hanya kerjaya. Maka, nilai yang dibina bukan sekadar untuk kelangsungan ekonomi, tetapi untuk kelestarian akhlak dan kemakmuran yang bersifat ruhani dan sosial.

Peranan Pensyarah sebagai Murabbi dan Mujaddid

Model A.D.A.B mengangkat peranan pendidik sebagai *murabbi* dan *mujaddid* yakni pembimbing rohani dan pencetus pembaharuan diri pelajar. Pendidik bukan hanya pemudahcara pengetahuan, tetapi turut memainkan peranan sebagai pembina jiwa dan pembentuk adab. Proses pendidikan ini menekankan ikhlas, hikmah dan hubungan insani yang memperkukuh keutuhan moral pelajar dan pensyarah.

MQF 2024 memberi penekanan kepada pedagogi berimpak tinggi dan penyampaian yang cekap, seperti yang disebut: *Teaching and learning methods must ensure deep learning, student engagement and the development of relevant competencies* (MQF 2024). Walaupun dimensi spiritual penting dalam hubungan pendidik dan pelajar tetapi ia tidak dinyatakan secara eksplisit.

Model A.D.A.B mengisi kelompongan ini dengan menjadikan pendidikan sebagai medium *tazkiyah* dan pembentukan insan *rabbani*. Nilai yang ditanam bukan sahaja bersifat universal, tetapi disusun berdasarkan *maqasid syariah* dan worldview Islam yang menghubungkan dunia dan akhirat.

Rumusannya, walaupun MQF 2024 menyediakan kerangka yang komprehensif dalam memastikan keberkesanan pendidikan dari sudut global, industri dan sosial, ia masih belum menyentuh aspek falsafah pendidikan Islam secara mendalam. Model A.D.A.B bukan sekadar pelengkap, tetapi mengetengahkan dimensi *rohani*, *ketuhanan* dan *tauhid* ke dalam pelaksanaan pendidikan nilai. Justeru, sinergi antara MQF dan Model A.D.A.B amat penting dalam merealisasikan visi pendidikan yang benar-benar holistik, seimbang dan berjiwa *khalifah*.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penerapan pendidikan berasaskan nilai melalui Model A.D.A.B oleh Universiti Teknologi MARA merupakan inisiatif strategik yang signifikan dalam memperkukuh kerangka pembinaan insan holistik selari dengan aspirasi Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF 2024). Model ini tidak hanya mengintegrasikan nilai secara tersusun dalam proses pengajaran dan pembelajaran, malah memberikan penekanan kepada dimensi spiritual dan moral yang bersifat transenden, berpaksikan kepada *worldview Islam* dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Keunikan Model A.D.A.B terletak pada fasa *Built-in Belief* yang menterjemahkan

nilai kepada refleksi, keyakinan dan penghayatan, menjadikan nilai bukan sekadar konsep pedagogi tetapi suatu pengalaman pembentukan jiwa.

Selain menyokong prinsip nilai universal seperti integriti, empati dan tanggungjawab sosial seperti yang dituntut dalam MQF, Model A.D.A.B menambah dimensi ketuhanan, amanah dan *maqasid* dalam pembentukan pelajar. Ini memperkukuh keseimbangan antara pencapaian akademik dan kematangan spiritual serta etika. Namun, cabaran utama masih wujud, termasuklah jurang antara dasar dan amalan, kekangan pedagogi nilai dalam kalangan pensyarah, dan ketiadaan instrumen penilaian nilai yang autentik.

Sebagai rumusan, sinergi antara Model A.D.A.B dan MQF perlu dimantapkan melalui penyelidikan tindakan, latihan sistematik untuk pendidik, serta penyusunan semula kurikulum yang lebih menyeluruh dan berteraskan nilai. Justeru, artikel ini menyarankan agar Model A.D.A.B dijadikan asas rujukan nasional dalam melestarikan VBE yang bukan sahaja responsif kepada tuntutan global, tetapi juga mengekalkan akar jati diri dan nilai tamadun dalam pendidikan tinggi negara.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Mantan Profesor, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Akademik, UiTM (Dr. Nor Aziah Alias) dan pasukan yang telah membangun model A.D.A.B secara komprehensif. Penghargaan juga ditujukan kepada pasukan Agensi Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualifications Agency*) di atas inisiatif melakukan semakan semula Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) dengan pengukuhan Pendidikan Berasaskan Nilai (VBE) bagi menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia.

RUJUKAN

- Arwansyah Kirin, Ahmad Sharifuddin, Mohd Hisyam Abdul Rahim, Faisal Husen Ismail, Shakila Ahmad, Sharifah Khadijah. (2022). Impak Negatif Media Sosial Terhadap Akademik Pelajar: Kajian Kes Pelajar UTHM. *Human Sustainability Procedia Vol. 2* No. 1 (2022) 16-25.
- Amir, R., Bunawan, H., & Yahaya, M. F. (2018). *Cabaran Mahasiswa dan Kolej Kediaman Mendepani Revolusi Industri 4.0. Governans, Institusi & Pengurusan Kewangan*. Prosiding Konvensyen Kepengetuaan dan Felo Penghuni Kolej Kediaman Universiti Awam Kebangsaan 2018.
- Andirah, A., & Cheng, J. (2024). The Impact of Student Value Co-Creation on Student Loyalty in Malaysia Private Higher Education Institutions: The Role of a Mediator. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 14(1), 113–125. <https://hrmars.com>
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Bahagian Hal Ehwal Pelajar (2025). *Pelan Perancangan Strategik Bahagian Hal Ehwal Pelajar 2020-2025*, UiTM. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/112644>
- Bahagian Hal Ehwal Akademik (2019). *UiTM Academic Compass Education 5.0 @ UiTM, Navigating The Future*, Shah Alam: UiTM Press.

- Halim, N. H., & Sahid, S. (2020). Kemahiran Kesediaan Kerja, Efikasi Kendiri, Tingkah Laku Keusahawanan dan Eksplorasi Kerjaya dalam kalangan Graduan (Work Readiness Skills, Self-Efficacy, Entrepreneurial Behavior and Career Exploration among Graduates). *Akademika*, 90(S3).
- Burhan, N.M (2021). *A.D.A.B in Education, Centre for Innovative Delivery and Learning Development*, UiTM. <https://cidl.uitm.edu.my/CG-ADAB.php>
- Creswell, J. W., & Poth, C. N. (2018). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. SAGE Publications.
- Darwis Lodowicch Laana & Urbanus Sukri (2022). Lifestyle: Perilaku Mahasiswa Masa Kini Dan Pengaruh Media Sosial. *Inculco Journal of Christian Education*, 2(1), 67-80.
- Donesia, F. et al. (2023). Building a brighter future: The crucial role of character education in Malaysia's education system. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 12(2), 113–125. <https://hrmars.com>
- Elo, S., & Kyngäs, H. (2008). The qualitative content analysis process. *Journal of Advanced Nursing*, 62(1), 107–115. <https://doi.org/10.1111/j.1365-2648.2007.04569.x>
- Fitriana, M. B., Zid, M., & Hotimah, O. (2023). Pengaruh Media Sosial Twitter Terhadap Hasil Belajar Peserta Didik Kelas XI IPS SMAN 113 Jakarta. *Geoedusains: Jurnal Pendidikan Geografi*, 4(2), 100-108.
- Harahap, N. (2024). *Ilmu Menurut Al-Ghazali Dalam Kitab Ayyuhal Walad*. [Tesis Sarjana Pendidikan, Fakultas Tarbiyah dan Ilmu Keguruan Universitas Islam Negeri Syekh Ali Hasan Ahmad Addary]. University Repository: <https://etd.uinsyahada.ac.id/10525/1/1920100103.pdf>
- Hatta, M. (2018). *Media sosial, sumber keberagamaan alternatif remaja (fenomena cyberreligion siswa SMA Negeri 6 Depok Jawa Barat)* (Master's thesis, Fakultas Dakwah dan Ilmu Komunikasi UIN Syarif Hidayatullah Jakarta).
- Hawkes, N. (2019). *From Values to Action: The Impact of Values-based Education*. Routledge.
- Hawkes, N. (2019). *Values-Based Education: Creating positive learning environments that nurture character*. London: Independent Thinking Press.
- Ismail, S. (2015). Pembangunan Insan Dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Human Development In National Education Philosophy. *Journal of Human Capital Development (JHCD)*, 8(2), 83–100. Retrieved from <https://jhcd.utm.edu.my/jhcd/article/view/2087>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015–2025 (Pendidikan Tinggi)*. Putrajaya: KPM.
- Krippendorff, K. (2019). *Content Analysis: An Introduction to Its Methodology* (4th ed.). SAGE Publications.
- Lincoln, Y. S., & Guba, E. G. (1985). *Naturalistic Inquiry*. SAGE Publications.
- Malaysian Qualifications Agency (MQA). (2019). *Malaysian Qualifications Framework 2.0*. Cyberjaya: MQA.
- Malaysian Qualifications Agency. (2014). *Guidelines To Good Practices: Assessment Of Students*. Malaysian Qualifications Agency
- Malaysian Qualifications Agency. (2024). *Malaysian Qualifications Framework (MQF) Second Edition (2024)*. Malaysian Qualifications Agency.
- Mayring, P. (2014). *Qualitative Content Analysis: Theoretical Foundation, Basic Procedures and Software Solution*.
- McNair, T. B., Albertine, S., McDonald, N., Major Jr, T., & Cooper, M. A. (2022). *Becoming a student-ready college: A new culture of leadership for student success*. John Wiley & Sons.

- Mohd Ab Hamid, N.R. (2015). A value-based performance excellence model for higher education institutions. *Quality & Quantity*, 49(5), 1919–1944. <https://doi.org/10.1007/s11135-014-0075-4>
- Mohd Farhan Abd Rahman. (2021). *Aplikasi Nilai-Nilai Berasaskan Qalbu dalam Proses Pendidikan*. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/download/915/731>
- Muhammad Ardiansyah, Didin Hafidhuddin, Endin Mujahidin, Nirwan Syafrin. (2019), The concept of adâb by Syed Muhammad Naquib al-Attas and its relevance to education in Indonesia. *Ibn Khaldun Journal of Social Science*, 1(1). DOI: 10.32832/ikjss.v1i1.2385
- Munene, A. G., & Otieno, A. O. (2023). Institutionalizing ethics in higher education: A values-based approach. *International Journal of Ethics and Systems*, 39(1), 25–42. <https://doi.org/10.1108/IJOES-04-2022-0056>
- Noor Syahida Md Soh, Huzaimah Ismail, Faridah Mohd Sairi, & Mohd Annas Shafiq Ayob. (2021). Nilai Murni dalam Pendidikan 5.0. *Journal of Quranic and Social Studies*, 5(1), 15–22.
- Othman, N. S., Zabidi, M. M., & Burhan, N. M. (2023). Kerangka Konsep Ihsan dalam Pembangunan Afektif Mahasiswa. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 9(1), 76-89.
- Rosalina, D., Yuliari, K., Setianingsih, D., & Zati, M. R. (2021). Faktor–Faktor Yang Berpengaruh Terhadap Kompetensi Literasi Digital Mahasiswa di Era Revolusi Industri 4.0. *EKONIKA Jurnal Ekonomi Universitas Kadiri*, 6(2), 294.
- Zelani, R. M., Burhan, N. M., Rasit, R. M., & Rasol, L. A. (2021). Sinergi Pembelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kaedah Pembelajaran Heutagogi-Mediamorphosis di Institusi Pengajian Tinggi: Synergy of Islamic Education Learning Based on Heutagogical-Mediamorphosis Learning Methods in Institutions of Higher Learning. *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal (JSASS)*, 8(1), 128-137.
- Schreier, M. (2012). *Qualitative Content Analysis in Practice*. London: SAGE Publications.
- Schulman, M. (2022). Moral formation in higher education: Teaching values in a post-truth era. *Journal of Moral Education*, 51(2), 135–149. <https://doi.org/10.1080/03057240.2020.1854541>
- Tirri, K. (2021). Holistic education and values: Preparing students for ethical global citizenship. *Education Sciences*, 11(3), 108. <https://doi.org/10.3390/educsci11030108>
- UiTM. (2022). *Model A.D.A.B dan Pendidikan 5.0@UiTM*. Pusat Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran (CiDL). <https://cidl.uitm.edu.my/>
- UNESCO. (2022). *Higher Education Roadmap 2030*. UNESCO Publishing.
- UNESCO (2025). *Education for Sustainable Development*. <https://www.unesco.org/en/sustainable-development/education>
- Watson, C., & Sweet, R. (2020). Teaching values in higher education: Challenges and strategies. *Journal of Higher Education Policy and Management*, 42(6), 543–558. <https://doi.org/10.1080/1360080X.2020.1792103>
- Yaacob, M., Harun, C. S. C., Mohd, R., & Abdullah, M. F. R. (2021). *Isu Revolusi Industri 4.0: Perubahan Nilai Masyarakat dan Cabaran*. In Proceedings of the 8th International Conference on Management and Muamalah (ICoMM) (pp. 472-483).
- Zhang, Y., & Wildemuth, B. M. (2009). Qualitative analysis of content. In B. Wildemuth (Ed.), *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science*. Libraries Unlimited.